



## **SIARAN MEDIA**

---

### **PROGRAM JIWA MADANI PERKASA MASYARAKAT ELAK SEBAR MAKLUMAT TIDAK SAHIF**

**KUANTAN, 3 Februari 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini menghadiri program Jiwa MADANI di FELDA Bukit Goh bagi menyantuni masyarakat setempat. Program ini turut membawa mesej membendung penyebaran maklumat tidak sahif selain mempromosikan dasar dan inisiatif kerajaan.

YB Fahmi meluangkan masa beramah mesra dengan lebih 700 orang yang terdiri daripada pemimpin masyarakat dan komuniti sekitar pelbagai kaum. Beliau turut menyertai aktiviti gotong-royong memasak gulai kawah dan mencanting batik yang merupakan simbolik pelaksanaan program di FELDA tersebut.

Beberapa aktiviti lain turut diadakan, antaranya pameran serta perkhidmatan oleh pelbagai agensi kerajaan dan negeri seperti pendaftaran Pangkalan Data Utama (PADU), Hari Bertemu Pelanggan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, pameran batik blok dan ikat celup oleh Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti FELDA Bukit Goh serta pemeriksaan kesihatan percuma dan Jualan RAHMAH.

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Paya Besar, YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah; Ahli Dewan Negeri Semambu, YB Tuan Chan Kang; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Ketua Pengarah Penerangan, YBhg. Dato' Mohd Sukari bin Ab Hamid; Pengurus Rancangan FELDA Bukit Goh, Raduan bin Rozali dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung FELDA Bukit Goh, Ahmad Faizal bin Ramli.

**Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Penerangan Malaysia**